



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKLW OGOS DAN
PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN KKLW 2017**

**DI DEWAN SRI LESTARI,
ARAS B1, KKLW**

**24 OGOS 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

ALUAN-ALUAN

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
dan

Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua
Jabatan dan Agensi
Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian, Rakan-rakan Media

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan/Puan yang
dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa,

1. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan KKLW bagi bulan Ogos bersekali dengan Pelancaran Penghayatan Bulan Kemerdekaan 2017.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan fardhu haji kepada warga Kementerian dan Agensi yang mendapat peluang tersebut pada tahun ini. Saya mendoakan agar tuan/ puan diberi kesihatan dan dipermudahkan segala urusan ibadah...insya-Allah.

3. Penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan ini merupakan platform penting yang menghimpunkan warga Kementerian untuk mendengar amanat daripada pihak

Pengurusan Tertinggi berhubung hasrat dan harapan Kerajaan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PRESTASI KERJA YANG CEMERLANG

4. Kita telah pun hampir memasuki empat bulan terakhir 2017. Sewajarnya, ketika ini semua warga Kementerian dan Agensi telah siap mengkaji dan menilai semula sejauh manakah sasaran kerja tahunan masing-masing telah berjaya dicapai. Bukan sahaja kuantiti kerja perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, malahan yang lebih utama adalah mutu dan kualiti kerja sentiasa dipertingkatkan ke atas setiap pelaksanaan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada tuan-tuan dan puan-puan.

5. Selari dengan **Budaya Keberhasilan**, iaitu antara **lapan (8) Prinsip Pemangkin Kecemerlangan** yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri sebagai agenda nasional negara berteraskan **outcome based**, budaya ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang bersandarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang. Dengan adanya prinsip ini, dapat memastikan kita lebih fokus dan komited dalam membentuk warga kerja yang berdisiplin, amanah dan menepati masa.

6. YAB Perdana Menteri telah menetapkan supaya tahun 2017 dijadikan sebagai “**year of delivery**” kepada para penjawat awam melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan langkah-langkah yang telah ditentukan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta Negara. Fokus kita ini – **delivery, delivery and delivery** (penyampaian, penyampaian dan penyampaian).

7. Perlu diingatkan di sini bahawa penyampaian bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi kita juga perlu pastikan ia mempunyai nilai tambah kepada rakyat dan segala projek yang telah dirancang itu sampai kepada rakyat. Oleh itu, kita semua harus sentiasa fokus dan berusaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

Warga Kementerian yang saya hormati sekalian,

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKESAN

8. Bagi mengukur kejayaan sesuatu penyampaian, kepuasan hati pelanggan kita amatlah penting. Kepuasan hati pelanggan menunjukkan peningkatan penyampaian perkhidmatan yang telah diberikan. Sekiranya pelanggan kita berpuas hati, warga kerja akan berasa gembira dan ini sekaligus akan mengurangkan aduan dan ketidakpuasan ke atas perkhidmatan Kerajaan.

9. **Beban kerja** yang digalas demi memastikan apa yang dirancang menepati matlamat dan aspirasi kadangkala akan mengganggu emosi kita. **Pengawalan emosi** yang baik dapat mempengaruhi keupayaan kita untuk **mencetuskan idea, ilham, penyelesaian masalah dan membina daya intelektual** untuk menghasilkan **outcome yang cemerlang dan berimpak tinggi**.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

BULAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

10. Seperti yang kita sedia maklum, setiap tahun pada bulan Ogos, telah diisytiharkan sebagai Bulan Kebangsaan yang mana pada tahun ini genap 60 tahun kita meraikan kemerdekaan daripada cengkaman penjajahan. Definisi kemerdekaan bagi sesebuah negara adalah ibarat harta dalam menentukan kedaulatan negara dan bangsa. Kemerdekaan yang kita kecapai pada hari ini adalah harga yang dibayar bagi pengorbanan wira-wira kita demi mempertahankan negara kita, Malaysia. Ia adalah ibarat harta yang bernilai dalam menentukan kedaulatan negara dan bangsa.

11. Secara individu, pemahaman kita mengenai kemerdekaan perlulah difahami dengan betul dan tepat, barulah roh kemerdekaan itu boleh meresap dalam jiwa kita sehingga kita yakin dan percaya bahawa menjiwai erti kemerdekaan sebenar adalah sangat penting. Generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa akan datang haruslah berusaha gigih dalam mempertahankan kemerdekaan negara dari terus dibelenggu fitnah serta hasutan daripada pelbagai sudut terutama sekali melalui media sosial.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SECARA BERHEMAH

12. Jika dulu, untuk menakluki sesebuah negara itu, tentera asing perlu datang secara fizikal dalam mengawal pentadbiran negara tetapi kini, tidak lagi. Hanya dengan penyebaran fitnah atau menularkan isu-isu negatif, dengan mudah sesebuah negara itu akan runtuh dan merosakkan minda rakyat sendiri. Contoh jelas yang kita dapat lihat hari ini, kejatuhan negara-negara Timur Tengah bermula

dengan fitnah yang disebarakan melalui aplikasi media sosial yang sebelum ini tidak menunjukkan tanda-tanda perpecahan.

13. Tidak dinafikan akan kepentingan media sosial yang turut menjadi tulang belakang dalam penyaluran maklumat, dasar dan agenda Kerajaan, serta menjadi jaringan komunikasi penting yang menjadi penghubung di antara rakyat dan pemimpin. Namun begitu, sebagai pengguna media sosial yang bijak, gunakanlah kemudahan yang ada secara berhemah dan beretika. Penyebaran fitnah yang berpotensi membentuk persepsi negatif kepada pemimpin dan Kerajaan di mata rakyat haruslah dihentikan serta merta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROGRAM MENINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME

14. Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2017, semua Kementerian dan Agensi Kerajaan telah merancang pelbagai program bertujuan memupuk semangat patriotisme dan menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan. Antaranya Kayuhan Merdeka, Doa Untuk Malaysia, Merdeka MyBuddies Run, Amanat Merdeka sebelum acara kemuncak iaitu Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2017 yang akan berlangsung pada 31 Ogos di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur diikuti Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2017 di Stadium Likas, Kota Kinabalu, Sabah.

15. Di peringkat Kementerian pula, kita tidak ketinggalan memeriahkan sambutan kemerdekaan dengan penganjuran beberapa aktiviti seperti Tayangan Filem Kemerdekaan, Pertandingan Keceriaan / Hiasan Pejabat, Pertandingan Karaoke Lagu-lagu Patriotik melalui KKLW Idol, Program “Moh Ngeteh Merdeka@KKLW dan lain-lain lagi.

16. Sebagai rakyat yang cintakan tanah air, saya mengambil kesempatan ini menyeru agar kita dapat sama-sama menjayakan Kempen Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang ini. Kibarkanlah Jalur Gemilang dengan sempurna di bangunan-bangunan pejabat dan di rumah anda, jangan biarkan bendera lusuh atau koyak berkibar, sebaliknya gantikanlah ianya dengan Jalur Gemilang yang baru. Ini kerana Jalur Gemilang merupakan simbol kedaulatan negara dan perlu dikibarkan dengan cara yang betul agar tidak menjejaskan imej negara terutamanya pada pandangan pelancong warga asing. Ia juga melambangkan semangat cintakan negara dan penghargaan terhadap kemerdekaan yang telah dicapai dengan jerih perih perjuangan tokoh-tokoh negara terdahulu.

PENUTUP

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan yang baru memulakan perkhidmatan di Kementerian ini. Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan sumbangan terbaik dan bermakna dalam usaha Kementerian memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada kumpulan sasaran dan rakyat Malaysia amnya.

18. Kepada semua warga Kementerian, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin. Saya percaya apabila setiap warga kerja memainkan peranan menyumbang ke arah usaha transformasi dan menjadi tulang belakang kepada Pengurusan Tertinggi, kita akan dapat merealisasikan Transformasi Membandarkan Luar Bandar dengan tekad dan jayanya.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.